

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan





Coret-coret Ketua Pengarang/Ketua Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Syukur ke hadrat Illahi, saya amat berbangga dapat sekali lagi menyambut pembaca setia Buletin Infousahawan dalam edisi kali ini, edisi ke 32. Penerbitan edisi ini menandakan satu lagi kejayaan dalam misi kita untuk membina ekosistem keusahawanan yang mampan dan berdaya saing.

Melalui edisi yang lepas, kita telah bersama-sama melihat bagaimana inisiatif dan program di bawah MASMED UiTM Cawangan Terengganu telah membuahkan hasil. Kini, tiba masanya untuk kita melangkah lebih jauh. Edisi kali ini akan menyoroti kejayaan-kejayaan yang telah dicapai serta meneroka peluang baharu, khususnya dalam pengukuhan kerjasama strategik dan potensi ekonomi digital yang kian meluas.

Kami yakin, dengan perkongsian ilmu dan pengalaman yang berharga daripada setiap penulis, buletin ini akan terus menjadi sumber rujukan utama dan inspirasi kepada setiap usahawan. Terima kasih atas sokongan padu yang tidak pernah putus. Semoga usaha kita sentiasa diberkati.

LUQMANUL HAKIM BIN ZULKORNAIN

Catatan Editor Urusan

Assalamualaikum dan salam sejahtera.



Bertemu kembali di edisi 32, salah satu edisi pada tahun 2025. Saya meneruskan tugas saya sebagai editor urusan secara sukarela memandangkan ada beberapa artikel yang kami perlu keluarkan disebabkan janji kami pada pengarang yang telah menulis dengan susah payah dan kami di pasukan bulletin infousahawan amat menghargai iltizam anda.

Di kesempatan ini, saya mewakili para editor dan jawatankuasa infousahawan, ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan para penyumbang artikel yang bukan sahaja terdiri daripada warga UiTM namun juga sumbangan daripada pihak Universiti Malaya (UM) dan pihak KDEB daripada Selangor untuk edisi 32 ini. Terima kasih juga saya zahirkan kepada pihak pengurusan UiTM Cawangan Terengganu terutama kepada Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (TRPJIA), ketua editor, barisan editor dan perekabentuk grafik aka designer atas komitmen yang padu dan kesungguhan tanpa batasan dalam memastikan buletin infousahawan terbit dengan jayanya.

Akhir kata, saya juga mewakili rakan-rakan lain ingin memohon maaf atas sebarang salah dan khilaf di sepanjang pengendalian edisi-edisi infousahawan untuk tahun 2025 ini. Kami hanyalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada sebarang kekhilafan. Semoga artikel-artikel yang mewarnai buletin infousahawan ini dapat memberikan input yang bermanfaat buat para pembaca budiman sekalian dan semoga tahun-tahun yang mendatang akan lebih memberikan keceriaan kepada kita semua dengan izinNya, In shaa Allah.

Terima kasih dan wassalam.

Salam hormat

Noor Malinjasari Binti Ali
Penyunting/Editor Urusan



Artikel

MS

Peranan Komunikasi dan Profesionalisme dalam Keusahawanan	1-2
Usahawan Mikro Wanita, Rasau	3-4
Penggunaan Robot: Inisiatif Usahawan Malaysia	5
Syarikat China dan Kecerdasan Buatan (AI)	6
Kejayaan Elon Musk dan Roketnya	7
Penggunaan Dron dalam Perniagaan	8
Perusahaan Erawadee: Menyelami Dunia Perubatan Tradisional Thailand	9-10
Relationship Marketing in Business	11-12
Conflict in Organization	13-14
Professional Communication In Supply Chain Management Industry	15-16
The Truth of Informal Entrepreneurs in Malaysia	17-18
Strategi Kewangan Perniagaan Abdul Rahman bin Auf: Panduan untuk Usahawan Masa Kini	19-20

PERANAN KOMUNIKASI DAN PROFESIONALISME DALAM KEUSAHAWANAN

Mahfuzah Muhamad Tarmidi¹, Suzila Mat Salleh², Noor Malinjasari Ali², Siti Fatimah Mardiah Hamzah², Roszainora Haji Setia³, Hasmi Mokhlis⁴

¹KDEB Waste Management, Selangor Darul Ehsan

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

³Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

⁴Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia


Emel koresponden: hasmi@uitm.edu.my

Dalam sesebuah organisasi, komunikasi merupakan unsue penting dalam memastikan matalamt organisasi daoot dilaksanakan dengan jayanya. Komunikasi juga penting bagi usahawan dan mereka yang menjalankan perniagaan agar perniagaan dapat berdaya saing dan maju. Dalam konteks keusahawanan, komunikasi yang sempurna dapat menyemai nilai-nilai profesionalisme dalam organisasi.

Helmi & Ilhaamie (2017) mendefinisikan komunikasi sebagai satu dasar untuk permulaan dan pembangunan sesuatu hubungan antara penghantar (permulaan dalam proses komunikasi.) dan penerima (menerima dan mentafsir mesej yang telah disampaikan oleh penghantar). Komunikasi juga boleh bertujuan untuk menunjukkan ketidakfahaman, perubahan sikap, pendapat, perilaku ataupun perubahan secara sosial (Huda, M Nurul, 2013). Oleh itu komunikasi adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu informasi atau maklumat yang memberikan kefahaman, lambing dan pengertian daripada pihak penghantar kepada pihak penerima. Komunikasi juga terjadi secara horizontal (komunikasi antara orang-orang yang mempunyai kedudukan sama) dan vertikal (komunikasi antara orang-orang yang mempunyai tingkat kedudukan yang berbeza) (McBain et al, 2016).

Jenis-Jenis dan Kategori Komunikasi

Ismawati dan Prasetyo (2021) mengkategorikan komunikasi kepada enam jenis berdasarkan tujuan komunikasi. Pertama, komunikasi berdasarkan penyampaian terbahagi kepada dua jenis, iaitu komunikasi verbal (lisan) dan komunikasi nonverbal (tertulis). Komunikasi verbal melibatkan pertemuan fizikal di mana penghantar dan penerima dapat bertatap muka, atau berlaku secara tidak langsung melalui media seperti telefon, Google Meet, dan Zoom. Sebaliknya, komunikasi nonverbal disampaikan melalui penulisan, lukisan, gambar, atau kalimat.



Kedua, komunikasi berdasarkan tingkah laku atau perbuatan terbahagi kepada komunikasi formal dan tidak formal. Komunikasi formal berlaku dalam majlis atau situasi dengan tata cara khusus seperti seminar atau mesyuarat, manakala komunikasi tidak formal berlaku dalam suasana yang lebih santai, seperti majlis hari raya atau ulang tahun yang tidak mengikut protokol tertentu.

Ketiga, komunikasi berdasarkan kelangsungannya terbahagi kepada komunikasi langsung dan komunikasi tidak langsung. Komunikasi langsung berlaku tanpa perantara, membolehkan interaksi tanpa jarak, sementara komunikasi tidak langsung memerlukan perantara, seperti media komunikasi (telefon, media sosial) atau pihak ketiga untuk menyampaikan maklumat.

Keempat, komunikasi berdasarkan maksud komunikasi meliputi berpidato, memberi ceramah, temubual, dan memberi arahan. Kelima, komunikasi berdasarkan ruang lingkup dibahagikan kepada komunikasi vertikal dan komunikasi horizontal. Komunikasi vertikal berlaku antara individu dengan kedudukan berbeza, seperti komunikasi dari pemimpin kepada bawahan, manakala komunikasi horizontal berlaku antara individu dengan kedudukan setaraf, seperti rakan sekerja.

Akhir sekali, komunikasi eksternal berlaku apabila organisasi menyampaikan maklumat kepada masyarakat, contohnya melalui pameran, promosi, atau siaran media, seperti siaran televisyen dan radio. Sebagai contoh, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Kangar sering mengadakan pameran dan menyediakan maklumat kepada masyarakat mengenai penyalahgunaan dadah.

Laajahlahti (2014) turut menegaskan kepentingan komunikasi bukan lisan, yang melibatkan gerak-geri (gesture) dan riak muka (facial expression). Ini termasuk mesej yang disampaikan melalui bahasa tubuh, seperti kerap mendedipkan mata yang menunjukkan kebingungan, mata terbuka luas yang menunjukkan kemarahan, dan mengekalkan tentangan mata yang menunjukkan minat serta keyakinan. Contoh lain adalah menggosok telapak tangan yang menandakan harapan positif, manakala meletakkan tangan di pinggang boleh menandakan sikap agresif atau tidak menyenangkan.

Kepentingan Komunikasi

- Menyampaikan visi, nilai dan produk kepada pasaran
- Membina kepercayaan pelanggan dan pelabur
- Menangani persepsi awam, khususnya semasa krisis

Di KDEBWM, komunikasi dilaksanakan melalui Krisis banjir 2021: KDEBWM muncul sebagai pihak yang pantas bertindak. Komunikasi rasmi melalui media massa dan sosial memainkan peranan penting dalam membina persepsi positif; dan kedua melalui Kempen awam: Melalui platform digital, maklumat kutipan sampah, perubahan jadual, serta kempen #WastelsMoneyWastelsNOT Dirty dikomunikasi secara konsisten dan mesra rakyat

Ciri-Ciri utama Profesionalisme dalam Keusahawanan

- Etika dan integriti dalam keputusan bisnes
- Pengurusan masa dan janji
- Imej dan gaya penyampaian yang meyakinkan
- Keupayaan menangani cabaran secara rasional

Profesionalisme di KDEBWM dilaksanakan melalui **Uniform & SOP pekerja lapangan**: Penampilan mencerminkan profesionalisme syarikat. Kedua, **Sikap & etika kerja**: Penyelia dan ketua zon dilatih untuk menjadi pemimpin beretika dan telus dan ketiga melalui **Laporan berkala & sistem pengauditan dalaman**: Menjadi simbol profesionalisme operasi. Usahawan dalaman KDEBWM dilahirkan melalui KDEB melahirkan pemimpin dari dalam – melalui program succession planning, latihan pengurusan zon, dan crisis communication sebagai contoh. Penyelia kawasan yang bukan sahaja urus operasi, tetapi penglibatan terus dengan masyarakat dan pihak berkuasa tempatan.

Sebagai kesimpulan, Komunikasi yang jujur dan profesionalisme yang konsisten = boleh membawa kepada Reputasi kukuh dan kelangsungan perniagaan.

Setiap warga syarikat adalah duta kepada jenama organisasi. Maka, komunikasi dan etika perlu menjadi budaya, bukan hanya kempen semata-mata. Syarikat yang mengamalkan komunikasi yang sihat bukan sahaja kepada pelanggan malahan kepada pekerja akan menjadi syarikat yang berjaya dan disegani.

Rujukan

[1] Desi Damayani Pohan & Ulfi Sayyidatul Fitria (2017). Jenis Jenis Komunikasi. *Journal Educational Research and Social Studies*. 2(3), 1-9.

[2] Helmi Akhtar & Ilhaamie Abdul Ghani Azmi.(2017). Komunikasi Kepimpinan Berkesan. *Jurnal Syariah*, 25 (3) 531-562

[3] Huda, Muh Nurul. (2013). *Komunikasi Pendidikan*. Tulungagung: STAIN Tulungagung Press.

[4] Ismawati, Dwi & Prasetyo Iis.(2021). Efektivitas Pembelajaran Menggunakan Video Zoom Cloud Meeting pada Anak Usia Dini Era Pandemi Covid-19. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini* 5(1), 1-14

[5] Laajahlahti, A. (2014). *Interpersonal communication competence and its development in the work of researchers*. Jyväskylä Studies in Humanities. Jyväskylä: Jyväskylä University

[6] McBain, B., Drew, A., James, C., Phelan, L., Harris, K. M., & Archer, J. (2016). *Student Press*

USAHAWAN MIKRO WANITA, RASAU

Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Suzila Mat Salleh, Raslina Mohamed Nor, Hasmida Mohd Noor, Ruzaidah Sulong@Rashid dan Noor Hafiza Mohammed.

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Usahawan mikro atau peniaga kecil-kecilan, sungguh pun terlihat tidak segar sebagaimana perniagaan berskala besar, namun turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Peranan mereka bukan hanya setakat menyediakan keperluan dan perkhidmatan kepada masyarakat, malah perniagaan ini boleh menjadi sumber utama menjana pendapatan keluarga sekiranya diuruskan dengan baik. Peranan usahawan mikro adalah penting terutama di kawasan luar bandar seperti tanah rancangan Felda, dimana mereka memainkan peranan sebagai pemacu ekonomi setempat. Salah seorang usahawan mikro yang ditemui penulis ialah Puan Siti Zuraydi @ Nor Hazwani binti Abdullah, merupakan anak jati Terengganu, yang juga merupakan generasi kedua peneroka Felda Kerteh 3, Rasau, Kerteh, Kemaman.

Puan Siti Zuraydi@ Nor Hazwani binti Abdullah, atau lebih dikenali dengan panggilan Kak Nor dalam kalangan komuniti Felda Kerteh 3, Rasau, telah menetap di Felda Kerteh 3 seawal pembukaan felda berkenaan pada awal 80an. Beliau berhijrah ke Felda Kerteh 3 bersama kedua orang tuanya dari Ajil, Hulu Terengganu.

Buat masa ini, Puan Siti Zuraydi mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan di gerainya yang terletak berhadapan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Rasau, Felda Kerteh 3. Beliau menguruskan perniagaan bersama suami dan dibantu oleh anak sulungnya. Kedai beliau dibuka seawal pukul 11 pagi sehingga lewat petang. Pelanggan utama beliau terdiri daripada penduduk Felda Kerteh 3 dan kawasan berdekatan sekitar pekan Al Muktafi Billah Shah. Antara menu utama yang dijual ialah air minuman dan makanan ringan kudapan petang seperti keropok lekor goreng dan pisang goreng yang menjadi tarikan utama pelanggan.

Selain itu, puan Zuraydi juga turut mengusahakan perniagaan makanan sejuk beku seperti karipap dan pelbagai kuih muih. Namun, kini beliau lebih menumpukan kepada makanan sejuk beku ubi getuk. Ubi getuk ialah sejenis kuih tradisional Terengganu berasaskan ubi kayu yang mendapat permintaan tinggi tanpa mengira musim. Kuih ini mempunyai tekstur yang lembut dan rasanya lemak manis, mempunyai peminat tersendiri terutamanya di sekitar Terengganu dan negeri jiran Kelantan dan Pahang. Buat masa ini, puan Siti Zuraydi memasarkan produk ubi getuk melalui orang tengah yang bertindak sebagai ejen jualan kepada produknya dan produknya turut dipasarkan di luar Terengganu.

Walau pun begitu, Puan Siti Zuraydi juga menghadapi cabaran untuk mengekalkan jumlah pengeluaran secara konsisten kerana kekurangan bekalan bahan mentah, iaitu ubi kayu. Buat masa ini, ubi kayu yang digunakan adalah dari hasil tanaman sendiri di kawasan felda berkenaan. Ada masanya bekalan terputus dan memerlukan dia membeli bahan mentah itu dari luar. Ini menyebabkan produknya tidak dapat dikeluarkan secara konsisten dan turut mendatangkan masalah apabila harga kos meningkat sedikit kerana terpaksa membeli ubi kayu dari pengeluar lain.

Kesungguhan Puan Siti Zuraydi bukan hanya terhad kepada perniagaan gerai kecil-kecilan dan produk sejuk beku sahaja, bahkan beliau juga aktif menjual menu lain apabila berkelapangan. Sebagai contoh, beliau mengambil peluang untuk menambahkan pendapatan keluarga dengan menjual menu istimewa air tangan beliau iaitu bahun sup pada waktu malam dan di bulan ramadan. Pada bulan ramadan juga, beliau menyediakan ruang kepada para peniaga kecil lain untuk meletakkan hasil jualan masing-masing di gerainya. Manakala beliau sendiri akan menumpukan kepada menu utama seperti kuih ondeh-ondeh atau buah melaka dan aneka pilihan air minuman untuk juadah berbuka puasa.

Puan Zuraydi kini berhasrat untuk membina sebuah kedai yang lebih selesa dan sempurna untuk meneruskan perniagaan di tapak yang sama. Beliau juga berhasrat untuk menambah kemudahan seperti peti sejuk beku dan mesin pengadun bagi meningkatkan pengeluaran ubi getuk. Adalah menjadi harapan beliau untuk mengembangkan lagi perniagaan ubi getuk sejuk beku dengan jenama sendiri dan meluaskan lagi jualan produk itu ke serata Malaysia. Beliau juga berhasrat untuk memiliki sebuah kilang pengeluaran produk sejuk beku dan seterusnya menawarkan peluang pekerjaan kepada wanita di komuniti Rasau untuk bekerja bagi meningkatkan ekonomi setempat di masa akan datang.



Gambar 1: Antara hasil jualan di gerai Puan Siti Zuraydi

Sebagai seorang usahawan mikro yang bercita-cita besar untuk meluaskan perniagaan, Puan Siti Zuraydi menyedari bahawa kemahiran dan ilmu perniagaan seperti pengurusan pemasaran dan kewangan itu amat penting. Oleh itu, beliau telah mengambil inisiatif dengan mengikuti kursus-kursus keusahawanan jangka pendek yang disediakan oleh pihak kerajaan dan lain-lain agensi berkaitan bagi mempersiapkan diri melebarkan perniagaan. Beliau juga kini turut mengikuti perkembangan perniagaan secara atas talian bagi meluaskan lagi capaian pelanggan terhadap produk keluarannya.



Gambar 2: Produk sejuk beku, kuih ubi getuk

Semoga kisah ketabahan dan semangat keusahawanan Puan Siti Zuraydi menjadi inspirasi kepada ramai lagi usahawan mikro wanita di luar bandar, khususnya komuniti Felda. Bagi merealisasikan impian usahawan mikro seperti Puan Siti Zuraydi ini, sokongan dari agensi kerajaan, masyarakat setempat, dan keluarga amatlah penting. Beliau bukan sahaja membantu meningkatkan ekonomi keluarga, malah turut menjadi contoh kepada usahawan mikro wanita yang lain.



Puan Siti Zuraydi bersama produk sejuk beku



Penggunaan Robot: Inisiatif Usahawan Malaysia

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Raslina Mohamed Nor, Hasmida Mohd Noor, Ruzaidah Sulong@A.Rashid, dan Noor Hafiza Mohammed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu

Koresponden emel: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Malaysia semakin berkembang dengan penyelidikan teknologinya terutama berkaitan robotik selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang memberi penekanan kepada automasi dan kecerdasan buatan. Masyarakat semakin didedahkan dengan perkembangan teknologi sekaligus menyedari akan kepentingan kecerdasan buatan (AI) yang semakin berkembang dalam meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi. Penggunaan robot dalam sesuatu perusahaan melibatkan pelbagai sektor seperti di perkilangan, restoran, hospitaliti, dan logistik.

Industri restoran merupakan satu industri yang banyak menggunakan robot. Penggunaan robot pelayan telah menjadi satu budaya di Malaysia. Salah satu contoh penggunaan robot sebagai pelayan di Malaysia adalah di restoran Nam Heong Ipoh yang mempunyai beberapa cawangan, menggunakan robot pelayan yang dikenali sebagai BellaBot. Robot ini telah direka dan dibangunkan oleh sebuah Syarikat China yang dikenali sebagai Pudu Robotics. Pelayan robot ini bertindak menghantar makanan ke meja pelanggan secara automati. Selain itu, terdapat satu lagi restoran iaitu Kyochon yang menggunakan robot penghantar makanan yang digunakan untuk meminimumkan sentuhan antara pekerja dan pelanggan. Penggunaan robot ini dapat membantu mengurangkan penggunaan tenaga kerja manusia yang semakin mahal dan sukar diperolehi.

Di sektor perhotelan pula, penggunaan robot untuk urusan di kaunter pendaftaran masuk telah digunakan termasuklah penghantaran barang ke bilik dan sanitasi. Contohnya, Hotel Le Meridien menggunakan robot pembersih lantai bertindak membersihkan kawasan lobi dan dewan bagi mengekalkan kebersihan hotel. Penggunaan robot ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja manusia yang hanya bekerja pada masa yang terhad berbanding dengan robot yang boleh beroperasi selama berjam-jam tanpa henti.

Apabila dilihat di sektor perkilangan pula, penggunaan robot lengan automatik memainkan peranan untuk pemasangan produk, pembungkusan dan pemindahan barangan berat. Antara syarikat yang menggunakan robot automasi untuk menghasilkan komponen pesawat adalah SME Aerospace Sdn Bhd. Namun, di sektor logistik, GDEX dan J&T Express pula menggunakan robot penyusun dan penghantar bungkusan bagi mempercepatkan proses pemilihan dan penghantaran parcel dengan lebih cepat dan efisien apabila berdepan dengan waktu kemuncak jualan dalam talian.

Penggunaan robot di pelbagai sektor mempunyai cabarannya tersendiri terutama melibatkan kos yang tinggi. Walaupun penggunaan robot semakin berkembang namun pengusaha kecil dan sederhana tidak mampu menggunakan robot tersebut kerana ia melibatkan pelaburan yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, dengan sokongan dari pihak kerajaan melalui inisiatif seperti Geran Automasi dan Digitalisasi SME dan pelbagai jenis latihan yang diadakan oleh agensi seperti MARA dan MDEC, adalah diharapkan akan ada lebih ramai lagi usahawan yang akan menggunakan robot dalam operasi perniagaan mereka. Pada masa akan datang, robot adalah dilihat dapat membantu perniagaan berkembang pesat dan menjadi sebahagian daripada norma perniagaan yang dapat memberi keuntungan kepada pengusaha.

Rujukan

1. Islam, T. M., & Rahman, M. H. (2024). The future of dining: Robotics hand-in restaurant service revolutionizes user experience in Kuala Lumpur. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1), 44–52. [a.https://www.researchgate.net/publication/383869536](https://www.researchgate.net/publication/383869536)
2. Bernama. (2022, Jun 25). MOSTI sasar nisbah robot 195 kepada 10,000 tenaga kerja pada 2030. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mosti-sasar-nisbah-robot-195-kepada-10-000-tenaga-kerja-pada-2030-368174>
3. Bernama. (2025, Jan 21). Mosti rolls out RM10,000 grants to support science, tech and innovation projects in all constituencies. *Malay Mail*. Retrieved from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/21/mosti-rolls-out-rm10000-grants-to-support-science-tech-and-innovation-projects-in-all-constituencies/164082>
4. GDEX Berhad. (2023, May 30). GDEX's RM25 million Auto Hub to triple sorting capacity to 350,000 shipments daily. <https://gdexpress.com/gdexs-rm25-million-auto-hub-to-triple-sorting-capacity-to-350000-shipments-daily5>. MAPAL. (2023, November 9). Titanium parts in half the time: SME Aerospace Malaysia puts MAPAL tools to good use. *MAPAL Malaysia*. <https://mapal.com/en-us/a/sme-aerospace>

SYARIKAT CHINA DAN KECERDASAN BUATAN (AI)

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Raslina Mohamed Nor, Hasmida Mohd Noor, Ruzaidah Sulong@A.Rashid, dan Noor Hafiza Mohammed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

Koresponden emel: suzilamsalleh@uitm.edu.my

China merupakan antara negara kuasa besar yang semakin maju dengan ekonomi dan teknologinya. Penglibatan China juga semakin dikenali dengan Kecerdasan Buatan (AI) yang melibatkan pelaburan teknologi yang besar. Kebanyakan syarikat gergasi China berusaha mengembangkan penggunaan AI dalam pelbagai sektor.

Antara syarikat gergasi yang menggunakan AI di China adalah seperti berikut:

1. Alibaba Group

Alibaba Group merupakan syarikat e-dagang yang terbesar di China yang menggunakan AI dalam setiap operasinya seperti di platform membeli-belah Taobao. Di platform ini, AI digunakan dalam memberi cadangan kepada pengguna mengenai produk peribadi berdasarkan kepada tingkah laku pembelian pengguna. AI juga digunakan untuk membalas pertanyaan pelanggan secara automatik melalui chatbot yang dikenali sebagai AliMe.

2. Baidu

Baidu merupakan syarikat teknologi yang membangunkan kereta pandu sendiri (autonomous vehicles). Projek tersebut dikenali sebagai Apollo yang membangunkan sistem navigasi, pengesanan objek dan membuat keputusan secara automatik di jalan raya dan sistem ini telah digunakan di Beijing dan Chongqing.

3. Huawei

Huawei merupakan salah satu syarikat telekomunikasi yang terbesar di dunia yang teknologinya membolehkan telefon pintar membuat pengesanan gambar secara automatik, terjemahan masa nyata, serta pengurusan kuasa bateri yang pintar.

4. Tencent

Tencent yang dikenali dengan teknologi aplikasi WeChat dan permainan PUBG, membangunkan sistem yang dikenali sebagai Tencent Miying yang digunakan untuk menganalisis imbasan CT dan MRI bagi mengesan kanser dan penyakit kronik lebih awal (Yang et al., 2021). Kajian yang dijalankan menggunakan AI lebih menjurus kepada bidang perubatan. Namun dalam industri permainan video pula, Tencent menggunakan teknologi AI dalam mengesan sebarang penipuan dan memantau tingkah laku pemain dalam menggalakkan permainan yang sihat.

Kesimpulannya, penggunaan AI di China membuktikan bahawa teknologi dapat meningkatkan kecekapan operasi, menggalakkan inovasi dan meningkatkan pertumbuhan industri. Dengan galakan dan sokongan yang kuat dari kerajaan, negara China dijangkakan akan menjadi sebuah negara yang akan berkembang dan maju seiring dengan perkembangan teknologi AI.



Rujukan

1. Alibaba Cloud. (2020, January 15). How Taobao applies AI to personalized recommendations. Alibaba Cloud. https://www.alibabacloud.com/blog/how-taobao-applies-ai-to-personalized-recommendations_597556
2. Baidu, Inc. (2020, September 15). Baidu Apollo showcases fully automated driving capability at Baidu World 2020 [Press release]. PR Newswire.
3. Telecom Review Asia Pacific. (2017, Ogos). Huawei unveils first smartphones with AI mobile chipset – AI-powered scene recognition, translation, and battery management. Telecom Review Asia. <https://www.telecomreviewasia.com/news/technology-news/808-huawei-unveils-first-smartphones-with-ai-mobile-chipset/telecomreviewasia.com+1telecomreview.com+1>
4. Byte Brain. (2024). Huawei's role in AI integration: Shaping the future of technology. Byte Brain, Malaysian tech news platform. <https://bytebrain.my/huaweis-role-in-ai-integration/>
5. Tencent. (2017, August 23). Tencent Miying uses AI to help doctors diagnose cancer and other diseases. Tencent Newsroom. <https://www.tencent.com/en-us/articles/2200632.html>
6. Chinadaily. (2023, March 11). Tencent strengthens AI-powered anti-cheating system for gaming. China Daily. https://regional.chinadaily.com.cn/en/2023-03/11/c_1077586.htm





KEJAYAAN ELON MUSK DAN ROKETNYA

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Hafiza Mohammed, Noor Malinjasari Ali, Ruzaidah Sulong@A.Rashid, Raslina Mohamed Nor dan Hasmida Mohd Noor

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu

suzilamsalleh@uitm.edu.my

Seseorang usahawan yang berjaya dicipta dari kisah suka duka kejayaannya selama bertahun-tahun. Dari bidang industry kenderaan elektrik yang telah mencipta kejayaan yang cemerlang hinggalah ke bidang yang baru iaitu angkasa lepas. Ketua Pegawai Eksekutif Space X, Elon Musk kini melangkah ke depan dengan penglibatan dalam industri penerokaan angkasa lepas.

Pada 19 November 2024, SpaceX melancarkan ujian keenam roket Starship dari Starbase di Texas. SpaceX telah mencapai kejayaannya yang tersendiri dengan pelancaran roket Starship yang berjaya mendaratkan penggalak Super Heavy. Pencapaian ini menandakan satu langkah besar ke arah pembangunan roket yang berpotensi mengurangkan kos misi angkasa lepas secara signifikan. Namun, pada 6 Mac 2025 pula, roket starship milik SpaceX meletup di angkasa selepas beberapa minit berlepas dari Texas. Insiden ini sekaligus menimbulkan cabaran besar terhadap misinya untuk menghantar manusia ke Marikh.

Rocket Starship, yang direka untuk membawa kargo dan angkasawan ke orbit bumi dan bulan merupakan kunci kepada visi ini. NASA telah melabur lebih daripada \$4 bilion dalam SpaceX untuk misi bulan masa depan, termasuk misi Artemis III yang dirancang pada 2026. Namun begitu, SpaceX turut mempunyai masalah berkaitan isu pengawal seliaan dan kebimbangan terhadap alam sekitar. Walaupun menghadapi cabaran, pencapaian terkini dalam pembangunan roket dan kerjasama dengan NASA menunjukkan potensi besar masa depan dalam penerokaan angkasa lepas.

Walaupun beberapa kali mengalami kegagalan namun Elon Musk tidak berputus asa dan berusaha mencapai kejayaan demi kejayaan. Oleh itu, ia telah membuka lembaran baru dunia angkasa dan membuka mata negara-negara lain untuk terlibat dalam dunia angkasa seperti Elon Musk dan SpaceX. Namun persaingan tetap wujud dari negara China, India, Rusia serta negara lain yang terlibat dengan penerokaan angkasa secara global. Kesimpulannya, kejayaan bukanlah hadir sehari dua tetapi bertahun-tahun dan ia amat bergantung kepada kecekapan, komitmen, kecekalan seseorang demi mencapai kejayaan.

Rujukan:

1. Reuters. SpaceX milik Elon Musk bina rangkaian satelit pengintip untuk agensi perisikan AS, lapor Reuters. Astro Awani. March 17, 2024. Diperolehi di <https://www.astroawani.com/berita-dunia/spacex-milik-elon-musk-bina-rangkaian-satelit-pengintip-untuk-agensi-perisikan-lapor-reuters-462678>.
2. Fatehah, U. Elon Musk si jutawan genius yang mengubah dunia. Relevan. Diperolehi di https://relevan.com.my/2024/09/25/elon-musk-si-jutawan-genius-yang-mengubah-dunia/#google_vignette.





PENGUNAAN DRON DALAM PERNIAGAAN

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Noor Malinjasari Ali, Afif Zuhri Muhammad Khodri Harahap dan Noor Hafiza Mohammed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

suzilamsalleh@uitm.edu.my

Negara seperti Jepun dan China semakin maju seiring dengan teknologinya termasuklah yang terlibat dengan industri makanan. Penggunaan dron dalam industri makanan semakin mendapat tempat di kalangan usahawan makanan. Restoran makanan samada di Jepun atau China telah mengambil inisiatif menggunakan dron dalam penghantaran makanan ke kawasan pedalaman dan juga di bandar. Penggunaan teknologi dron ini merupakan salah satu alternatif dalam penghantaran makanan dalam mempercepatkan proses penghantaran dan mengurangkan kos operasi.

Sebagai contohnya penghantaran makanan menggunakan dron bermula dari satu restoran terkenal di Jepun yang dikenali sebagai Sky Kitchen yang beroperasi di Tokyo. Penghantaran makanan di lakukan menggunakan dron di lokasi terpencil dan di bandar-bandar. Dron yang digunakan mempunyai kelengkapan kamera, system GPS dan teknologi anti-pelanggaran yang memastikan keselamatan dalam penghantaran makanan tersebut. Begitu juga dengan organisasi yang dikenali sebagai Keeta Drone turut menggunakan dron dalam penghantaran pesanan makanan kepada pelanggan. Penggunaan dron tentulah melibatkan kos yang tinggi, namun ia merupakan satu pelaburan jangka panjang yang dapat memenuhi keperluan pengguna.

Bagaimana proses penghantaran ini dilakukan? Ia bermula selepas pesanan diterima melalui aplikasi mudah alih. Kemudian, selepas pesanan diterima, makanan tersebut dibungkus dalam bekas kedap udara bagi mengekalkan suhu dan kebersihan makanan tersebut. Makanan tersebut akan diambil oleh dron dan diterbangkan ke lokasi pelanggan dalam masa 10-15 minit. Penggunaan dron ini dapat menjimatkan masa penghantaran berbanding kaedah penghantaran biasa.

Kesimpulannya, inovasi teknologi yang semakin canggih mendapat tempat dikalangan usahawan makanan terutamanya penggunaan dron yang dapat memberi pengalaman baru kepada pelanggan dan usahawan juga dapat mengembangkan lagi perniagaan mereka dengan lebih cekap dan efisien. Penggunaan teknologi ini juga mendapat sokongan yang penuh dari kerajaan Jepun dalam melestarikan alam sekitar dan dapat menangani masalah kekurangan tenaga kerja di Jepun.

Rujukan

- 1.Kosmo. (2025, Jun 17). Dron alternatif pantas hantar makanan. Kosmo Online. <https://www.kosmo.com.my/2025/06/17/dron-alternatif-pantas-hantar-makanan/>
- 2.Jom Cuba Hantar Makanan Guna Dron di Shenzhen! (2024, 29 November). People's Daily Online. <http://www.malay.people.cn/n3/2024/1129/c517534-20248291.html>
- 3.Lakhlifi, N. (2021). The opportunities of drone technology in food delivery services. Retrieved from <https://essay.utwente.nl/86674/>





Perusahaan Erawadee: Menyelami Dunia Perubatan Tradisional Thailand

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Wan Nur Nalisa Burdhan, Nurulnadwan Aziz, Amirudin Mohd Zani, Sholehah Abdullah, Ramizatunnisah Jais, Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar, Marha Abdol Ghapar dan Nasiha Abdullah.

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

Emel koresponden : suzilamsalleh@uitm.edu.my

Pada 30 Jun yang lalu, ahli Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah membuat kunjungan akademik ke Pattani dan Hatyai, Thailand. Perancangan telah dibuat untuk membuat lawatan ke beberapa tempat menarik di Pattani dan Hatyai. Lawatan tersebut bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan kami mengenai budaya dan perusahaan tempatan. Ini termasuklah pendekatan alternatif dalam bidang kesihatan dan perubatan. Antara tempat kami kunjungi ialah Erawadee, sebuah syarikat terkenal dalam penghasilan minyak urut dan ubat tradisional herba Thailand.

Sebaik tiba di pusat Erawadee, kami disambut dengan mesra oleh kakitangan syarikat yang profesional dan berpengetahuan luas dalam dunia perubatan berasaskan herba. Satu sesi taklimat telah diadakan untuk memperkenalkan sejarah dan latar belakang syarikat, selain memberi penerangan mengenai pelbagai jenis produk kesihatan yang dihasilkan. Produk-produk ini terdiri daripada minyak urut, balm herba, krim sapuan, ubat sapu panas dan sejuk, serta kapsul herba untuk pelbagai tujuan kesihatan seperti merawat sakit sendi, migrain, masalah penghadaman, dan meningkatkan imuniti tubuh. Selain itu, terdapat juga produk kecantikan dan penjagaan diri berasaskan herba turut dikeluarkan.



Syarikat Erawadee berkembang pesat sejak penubuhannya dan kini mempunyai lebih 20 cawangan di seluruh Thailand, termasuk di kawasan pelancongan utama seperti Phuket, Bangkok, dan Chiang Mai. Produk mereka kini telah berjaya dipasarkan ke lebih 30 buah negara, termasuk Malaysia, Jepun, Korea Selatan, dan Jerman. Salah satu pencapaian membanggakan Erawadee ialah apabila mereka berjaya menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa dalam kategori kualiti dan inovasi produk herba.

Sepanjang lawatan, kami turut diberi peluang mencuba beberapa produk popular seperti minyak urut serai wangi dan balm herba panas. Pengalaman ini membuka mata kami tentang potensi besar industri herba tradisional yang selama ini mungkin kurang diberi perhatian. Rata-rata ahli fakulti turut membeli produk yang berkaitan dengan minyak balm untuk dibawa pulang ke Malaysia.



Kesimpulannya, lawatan ke Erawadee telah memberikan kami satu pengalaman yang sangat bermakna. Ia bukan sahaja menambah ilmu tentang perubatan tradisional, malah menyuntik inspirasi tentang betapa hebatnya dunia keusahawanan di mana herba tradisional juga boleh dijadikan sebagai sumber ekonomi apabila diusahakan secara komersial dengan penuh dedikasi dan profesional. Kami amat menghargai peluang ini dan berharap Malaysia juga dapat melahirkan usahawan sedemikian yang dapat berkembang hingga ke peringkat antarabangsa pada masa akan datang.





RELATIONSHIP MARKETING IN BUSINESS

Noor Malinjasari Binti Ali¹, Suzila Mat Salleh¹, Siti Fatimah Mardiah Hamzah¹, Raslina Mohamed Nor¹, Hasmida Mohd Noor¹, Hasmi Mokhlis², Rahayu Izwani Borhanuddin³, Kardina Kamaruddin⁴, Roszainora Haji Setia⁵, Noor Hafiza Mohammed¹

¹Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Terengganu Branch, Malaysia

²Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Malacca Branch, Malaysia

³Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA, Johor Branch, Malaysia

⁴Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Kedah Branch, Malaysia

⁵Academy of Language Studies and Law, Universiti Teknologi MARA, Terengganu Branch, Malaysia

Corresponding email : hasmi@uitm.edu.my

Business or entrepreneurship depends on marketing activities to ensure their business is sustained and lasting. Marketing activities such as buying and selling required the buyer and seller to have a relationship. Relationships between buyers and sellers have existed since humans began trading goods and services (Wilson, 1995). Parvatiyar and Sheth (2000) observe that relationship marketing roots were in the pre-industrial age. Over the years, it has developed to be one of the most discussed marketing issues in today's competitive business world (Egan & Harker, 2005). Berry (1983) is the first author who proposed relationship marketing in the professional context. He defines it as attracting, maintaining and enhancing customer relationships in multi-service organizations. Copulsky and Wolf (1990) define relationship marketing as a construct that combines elements of general advertising, sales promotion and direct marketing in order to create more effective and efficient ways of reaching customers.

Grönroos (1990) defines relationship marketing as established, maintained, enhanced and commercialized relationships with customers and other partners, able to generate profit while meeting the objectives of the involved parties. Later in 1994, Grönroos introduced another definition which states relationship marketing is "the process of identifying and establishing, maintaining, enhancing, and when necessary terminating relationships with customers and other stakeholders, at a profit, so that the objectives of all parties are met. This is done by mutual giving and fulfilment of promises," (Grönroos, 1994). Interestingly, both definitions show that the key factor in assessing the potential relationship is the degree of personal interaction between buyer and seller / service provider based on a mutual exchange fulfillment of promises.

